

08 AUG 2002

Ghani-Umno

UMNO JOHOR TUNGGU ARAHAN MT SELARAS BAHAGIAN-PARLIMEN BARU

JOHOR BAHRU, 8 Ogos (Bernama) -- Umno Johor menunggu keputusan dan arahan Majlis Tertinggi (MT) Umno untuk menentukan penubuhan bahagian-bahagian baru parti selaras dengan tambahan enam kerusi Parlimen di negeri ini berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata beliau percaya MT akan membuat keputusan yang sesuai bagi memastikan kewujudan bahagian parti di semua kawasan pilihan raya di Johor.

"Saya percaya ini akan diputuskan oleh MT Umno untuk memastikan kewujudan (bahagian) parti di semua kawasan pilihan raya di Johor supaya dapat juga mewujudkan jentera dan memperkukuhkan kedudukan parti di kawasan-kawasan baru itu," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pengumuman Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman mengenai pewujudan 25 kerusi Parlimen dan 59 kerusi DUN baru dalam persempadanan semula kawasan pilihan raya yang dipamerkan kepada umum mulai hari ini.

Daripada jumlah itu Johor mendapat tambahan terbanyak iaitu enam kerusi Parlimen baru, menjadikan jumlahnya 26 kerusi Parlimen dan 14 kerusi Dewan Undangan Negeri baru menjadikan semuanya 54 kerusi DUN di negeri ini.

Abdul Ghani yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Johor, meminta semua anggota dan pemimpin Umno tidak membuat pelbagai andaian mengenai masa depan masing-masing berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya itu.

"Saya menyeru ahli-ahli dan pemimpin Umno tidaklah membuat pelbagai andaian di mana masing-masing akan berada dengan perubahan yang akan berlaku ini... kita serahkan kepada MT untuk membuat keputusan dan arahan ke arah penubuhan jawatankuasa penaja di kawasan baru itu kelak," katanya.

Mengenai kemampuan Barisan Nasional (BN) Johor mengekalkan kemenangan 100 peratus kerusi pilihan raya seperti rekodnya dalam dua pilihan raya umum lepas, Abdul Ghani berkata, BN tetap mendapat sokongan padu rakyat jelata di negeri ini.

"Kita yakin di mana jua kawasan yang diwujudkan kita masih lagi mendapat sokongan padu pengundi-pengundi di Johor sama ada pengundi Melayu, Cina mahupun India," katanya.

Abdul Ghani yang juga Pengerusi BN Johor berkata BN negeri juga sudah sebulat suara bersetuju untuk bergerak secara bersama dalam apa jua aktiviti parti mulai sekarang untuk memastikan kemenangan semua kerusi BN dalam pilihan raya umum akan datang.

Beliau tidak menjangka akan wujud masalah dalam pengagihan kerusi antara parti-parti komponen BN di Johor untuk ditandingi dalam pilihan raya umum akan datang berikutan tambahan kerusi Parlimen dan DUN baru itu kelak.

"Kita semua setuju serahkan keputusannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah pun menasihati kita semua dalam hal ini," katanya.

Dr Mahathir yang juga pengerusi BN, ketika menutup konvensyen BN peringkat negeri di sini baru-baru ini, menasihatkan semua parti komponen BN supaya menerima sahaja pembahagian kerusi yang akan beliau tentukan untuk mereka bertanding dalam pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

MNY PR